

# Pesuruhjaya Polis Sabah terima Ijazah Kehormat Sarjana Sastera dari UMS

NST 27.11.16 1



SAMPAIKAN ANUGERAH ... Tun Juhar (kanan) menyampaikan anugerah kepada Abdul Rashid, pada majlis itu.

KOTA KINABALU: Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Abdul Rashid Harun dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Sastera (Keselamatan dan Ketenteraman Awam) pada majlis Konvokesyen ke-18 Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang Di-pertua Negeri Sabah Tun Juhar Haji Mahiruddin selaku Canselor UMS.

Ketika berucap pada majlis itu Abdul Rashid, yang juga bekas Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak UMS atas anugerah itu.

Beliau menyifatkan anugerah itu sebagai satu pengiktirafan besar dalam kerjaya kepolisian yang diceburinya sejak 40 tahun yang lalu.

“Penganugerahan ini juga adalah satu pengiktirafan yang besar bukan sahaja kepada saya dan keluarga, malah kepada dunia kepolisian yang saya ceburi sejak 40 tahun lalu.

“Dengan anugerah ini, ia merangsang saya untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat ke arah keharmonian, pembangunan dan mendukung agenda utama kerajaan Malaysia,” katanya.

Abdul Rashid berkata, penganugerahan itu bukan Ijazah Kehormat Sarjana Sastera, Keselamatan dan Ketenteraman Awam itu juga sebagai penghormatan kepada semua pihak terutamanya PDRM, ATM, APMM dan pihak penguatkuasa lain.

Pada majlis itu, UMS turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Akuakultur) kepada Presiden Universiti Kindai, Jepun, Prof Dr Hitoshi Shiozaki.

Secara keseluruhannya seramai 5,207 pelajar menerima diploma dan ijazah dalam majlis konvokesyen yang bermula kelmarin, sehingga 28 Nov ini.

Daripada jumlah itu, 50 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (563), Ijazah Sarjana Muda (4,530) dan Diploma 62 graduan. - OLEH MARRYAN RAZAN - [marryan@newsabahtimes.com.my](mailto:marryan@newsabahtimes.com.my)